

SOALAN MQT NO. 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : MQT

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 24 JULAI 2018 (SELASA)

SOALAN :

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah langkah segera Kementerian dalam mengawal selia pusat asuhan kanak-kanak termasuk yang di rumah persendirian agar tragedi penderaan seperti yang dialami Allahyarham Adam Rayqal tidak berulang lagi.

JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL, TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) memandang serius dan bersimpati terhadap tragedi yang berlaku pada Allahyarham Adam Rayqal.

Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 [Akta 308] sedia ada hanya mendaftarkan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) yang menjaga empat (4) orang kanak-kanak dan ke atas bagi kanak-kanak yang berumur empat (4) tahun ke bawah. Manakala pengasuh yang mengambil kurang dari empat (4) orang kanak-kanak tidak termaktub dalam Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak [Akta 308].

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian akan menambah baik Akta Kanak-Kanak supaya sistem daftar kanak-kanak sedia ada diperkasakan. Sistem ini akan memastikan sebarang pekerjaan yang melibatkan urusan dengan

kanak-kanak termasuk pengasuh disaring untuk meminimumkan risiko keselamatan kanak-kanak. Ini akan melibatkan kerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia.

Kementerian mensasarkan pada 1 Januari 2019 agar semua agensi kerajaan mewujudkan TASKA di tempat kerja awam masing-masing terutama yang melibatkan kerja secara syif. Kementerian ingin bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan agar TASKA dapat diwujudkan di sekolah-sekolah untuk kemudahan guru-guru yang berkhidmat di sekolah berkenaan.

Bagi sektor awam, subsidi yuran pengasuhan TASKA di tempat kerja sebanyak RM180 sebulan bagi seorang anak kepada pegawai perkhidmatan awam yang pendapatan isi rumah tidak melebihi RM5,000 sebulan disediakan berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2013.

Bagi sektor majikan swasta pula, insentif pelepasan cukai boleh dituntut dari Kerajaan mengikut pekeliling Jabatan Hasil Dalam Negeri bertarikh 15 Februari 1996 yang mana pengecualian cukai 10 peratus selama 10 tahun bagi ubah suai dan penyenggaraan bangunan bagi penyediaan TASKA.

Selain itu. Bengkel Pindaan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak [Akta 308] telah pun diadakan pada 11 Julai 2018 bagi memantapkan kawal selia TASKA di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan taman asuhan yang dikendalikan oleh pengusaha berada di tahap keselamatan yang tinggi, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan perkara berikut:

- i. Mengumpul notifikasi pengasuh di rumah bagi individu yang mengasuh kanak-kanak kurang daripada empat (4) orang yang berusia empat (4) tahun ke bawah;
- ii. Membimbing pengasuh dan memberi maklumat tentang Kursus Asuhan PERMATA dan program/seminar/taklimat berkaitan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak melalui 42 buah agensi latihan yang telah diiktiraf oleh JKJ. Usaha ini adalah untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pengasuh dalam bidang tersebut; dan

- iii. Mengadakan pelbagai program untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dan ibu bapa tentang kepentingan dan kelebihan menghantar anak ke TASKA yang berdaftar dengan JKM. Contoh, Program Jom Daftar dan membuka kaunter maklumat pameran dalam program-program yang dianjurkan oleh Jabatan dan agensi kerajaan yang lain.

Bagi memastikan isu ini dapat ditangani dengan lebih menyeluruh, satu Jawatankuasa Khas akan diwujudkan untuk meneliti perkara berikut:

- i. Mewujudkan satu piawaian kompetensi untuk diguna pakai oleh pengasuh kanak-kanak yang merangkumi aspek keselamatan, latihan dan kemahiran asas yang diperlukan oleh seorang pengasuh;
- ii. Mengawal selia keperluan untuk mewajibkan pengasuh kanak-kanak mendaftar dengan JKM;

- iii. Bekerjasama dengan agensi perundangan untuk memastikan dan memperkukuhkan bukti pendakwaan bagi prosiding mahkamah yang melibatkan kes kesalahan pengasuh kanak-kanak; dan
- iv. Mengkaji kos yang terlibat dalam pengurusan pengasuhan kanak-kanak.

Kementerian amat memahami akan keperluan untuk menyediakan TASKA yang selamat dan berkualiti. Ibu bapa juga dinasihatkan supaya tidak mengambil mudah kepada isu-isu keselamatan kanak-kanak bagi memastikan keselamatan kanak-kanak sentiasa terpelihara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI

[BATANG SADONG]

TARIKH : 24 JULAI 2018 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah dasar-dasar baru diperkenalkan oleh Kementerian untuk meningkatkan taraf ekonomi wanita di luar bandar.

**JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL,
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sedang dalam proses mengkaji semula keberkesanan Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara (PTPWN) melalui satu kajian *Gender Mainstreaming* yang telah dijelaskan melalui jawapan semalam (bertarikh 23 Julai 2018).

Walau bagaimanapun, dasar sedia ada merupakan dasar pembangunan sosio-ekonomi yang merangkumi falsafah, inspirasi dan aspirasi wanita daripada pelbagai peringkat umur, lapisan masyarakat dan semua sektor.

Justeru, ia merangkumi usaha untuk meningkatkan taraf ekonomi semua wanita tidak kira di bandar atau luar bandar, jadi tiada pengasingan, dengan menambah dan mempelbagaikan peluang serta menggerakkan sumber, maklumat dan kepakaran di kalangan wanita melalui kerjasama

dan sinergi antara agensi Kerajaan, sektor swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Kementerian ini melalui JPW juga telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan taraf ekonomi semua golongan wanita sama ada bandar atau luar bandar melalui program pemerkasaan ekonomi wanita. Program ini memberi peluang kepada wanita melibatkan diri dalam bidang keusahawanan melalui program **Inkubator Ibu Tunggal (I-KIT)** dan **Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita)** atau kini dikenali dengan nama ***Development of Women Entrepreneurs Initiative (DeWI)***.

Program I-KIT dan I-KeuNita menggunakan konsep inkubator atau *hand holding* (latih dan bimbing) di mana ibu tunggal dan wanita akan diberikan latihan kemahiran dan penyeliaan yang rapi agar mereka mampu menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup mereka sekeluarga berbekalkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi.

Wanita termasuk ibu tunggal secara amnya yang layak di bawah kategori kumpulan berpendapatan rendah (B40) iaitu dengan pendapatan isi rumah bulanan kurang daripada RM3,860 sebulan boleh memohon untuk menyertai program I-KIT dan I-KeuNita melalui 13 Pejabat-pejabat Pembangunan Wanita Negeri bagi negeri di Semenanjung Malaysia dan

WP Labuan. Wanita di Negeri Sabah boleh mengemukakan permohonan menerusi Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA) manakala wanita di Negeri Sarawak melalui Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak.

Melalui Program I-KIT yang diperkenalkan sejak tahun 2008 sehingga Disember 2016, sebanyak 303 program telah dilaksanakan dengan jumlah peserta seramai 5,294 orang ibu tunggal, dan daripada jumlah tersebut seramai 2,359 orang ibu tunggal telah berjaya menjadi usahawan. Bagi program I-KeuNita, sebanyak 237 program telah dilaksanakan dan seramai 8,510 orang wanita telah menyertai program ini sejak ia diperkenalkan pada tahun 2010 sehingga Disember 2016. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,446 orang wanita telah berjaya menjadi usahawan dengan peningkatan pendapatan sebanyak 50 peratus daripada pendapatan asal.

Manakala bagi program DeWI yang (sekarang digabung I-KIT dan I-KeuNita) dijenamakan semula bermula tahun 2017, bilangan program yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 59 program dan jumlah peserta telah meningkat seramai 1,235 orang peserta berbanding tahun 2016 manakala 130 orang daripadanya berjaya meningkatkan 50 peratus pendapatan daripada pendapatan asal. Pada tahun 2018 pula, setakat ini

sebanyak 18 program telah dilaksanakan dengan jumlah peserta seramai 431 orang.

Oleh kerana Yang Berhormat bertanya daripada Sarawak, berikut disertakan statistik khas untuk negeri Sarawak. Bilangan peserta program DeWI di negeri Sarawak daripada tahun 2017 sehingga 2018 adalah seramai 118 orang. Manakala bilangan program adalah sebanyak empat (4) program. Antara kursus yang dilaksanakan adalah Kursus Sulaman Manik, Kursus Kraftangan Moden Kreatif dan Kursus Kecantikan.

Jumlah peserta bagi setiap program adalah berskala kecil antara 25 sehingga 30 orang sahaja. Ini adalah supaya fokus sepenuhnya dapat diberikan untuk menerapkan latihan dan kemahiran dapat ditingkatkan.

Berdasarkan status sehingga 18 Mei 2018, JPW telah mendapat arahan daripada Kementerian Kewangan untuk menangguhkan pelaksanaan program DeWI.